



**KETUA SETIAUSAHA**  
*Secretary General*  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8883 2539  
Faks: 03-8889 5245

Ruj.Kami : KKM.100-1/6/3Jld.2(11)  
Tarikh : 1 Mac 2019

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2019**

---

#### **PENJELASAN KUASA MELULUS DI PERINGKAT KETUA JABATAN BAGI CUTI-CUTI TERTENTU DI BAWAH PERINTAH AM BAB C TAHUN 1974, CUTI TANPA GAJI MENJAGA ANAK, CUTI UMRAH, CUTI KEAGAMAAN DAN CUTI BERSALIN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pada masa ini kelulusan cuti-cuti tertentu di bawah Perintah Am Bab C Tahun 1974, Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak (CTGMA), Cuti Umrah, Cuti Keagamaan dan Cuti Bersalin bagi pegawai di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), hospital, institusi dan fasiliti kesihatan berada di bawah bidang kuasa IPKKM/ JKN/ Institusi, yang mana pelaksanaannya adalah tidak seragam.

3. Berdasarkan Perintah Am Bab C Tahun 1974, istilah **Ketua Jabatan** bermaksud Ketua Setiausaha kepada Kementerian, Ketua Jabatan, Ketua sesuatu Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan. Manakala Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan beberapa pekeliling perkhidmatan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pula mendefinisikan **Ketua Jabatan** sebagai pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau mana-mana pegawai yang diwakilkan kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan untuk bertindak bagi pihaknya.

Sehubungan itu, Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan penetapan baharu kuasa melulus cuti pegawai di KKM agar pelaksanaannya jelas, teratur dan seragam.

4. Senarai cuti-cuti tertentu di bawah Perintah Am Bab C Tahun 1974 dan lain-lain kemudahan cuti di bawah pekeling perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:

<u>Perkara</u>	<u>Peraturan Berkuat Kuasa</u>
<b>(a) Cuti-cuti Tertentu di bawah Perintah Am Bab C Tahun 1974</b>	
(i) Cuti Tanpa Gaji	: Peraturan 14(a), Perintah Am Bab C
(ii) Cuti Separuh Gaji 14 Hari Pertama	: Peraturan 13(d), Perintah Am Bab C
(iii) Cuti Sakit 90 Hari Pertama	: Peraturan 17, Perintah Am Bab C
(iv) Cuti Haji	: Peraturan 34, Perintah Am Bab C
(v) Cuti Tibi, Kusta dan Barah	: Peraturan 31(a)(i) dan (ii), Perintah Am Bab C sahaja
<b>(b) Lain-lain Kemudahan Cuti di bawah Pekeling Perkhidmatan</b>	
(i) Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak	: Pekeling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2014
(ii) Cuti Umrah	: Pekeling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2017
(iii) Cuti Bersalin	: Pekeling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017
(iv) Cuti Keagamaan	: Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2018

5. Selaras dengan hasrat mendayausaha pengurus sumber manusia di peringkat hospital, institusi dan fasiliti kesihatan serta mewujudkan keseragaman urusan perkhidmatan di KKM, Surat Pekeliling ini menjelaskan bahawa penetapan Ketua Jabatan sebagai **kuasa melulus bagi permohonan cuti yang dinyatakan di Perenggan 4(a) dan 4(b)** adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urus Setia	Penyokong	Kuasa Melulus
(a)	<b>Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM)</b>			
	Ketua Setiausaha Kementerian (KSU)	<b>Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)</b>	-	<b>Ketua Setiausaha Negara (KSN) (Kekal)</b>
	Ketua Pengarah Kesihatan (KPK)	<b>BKP</b>	-	<b>KSN (Kekal)</b>
	(i) Pengurusan Tertinggi IPKKM (Gunasama)  (ii) Pengurusan Tertinggi IPKKM (Kader*)	<b>BKP</b>	<b>Setiausaha Bahagian BKP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KSU</li> <li>• TKSU(P)</li> <li>• TKSU(K)</li> </ul> <p><b>Kelulusan oleh Pegawai Penyelia mengikut mana-mana yang berkenaan</b></p>
	(i) Pengurusan Tertinggi IPKKM (Bukan Gunasama)  (II) Pengarah (Pakar) Hospital (melalui JKN)  (iii) Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian** [melalui JKN/ Hospital/ Pejabat Kesihatan/ Pergigian (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)/ Institusi/ Fasiliti Kesihatan, mana yang berkenaan]	<b>Bahagian Sumber Manusia</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• TKPK (Perubatan)</li> <li>• TKPK (Kesihatan Awam)</li> <li>• TKPK (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)</li> </ul> <p><b>Mengikut mana-mana yang berkenaan</b></p>	<b>KPK</b>

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Urus Setia	Penyokong	Kuasa Melulus
	(iv) Pengarah Kesihatan Negeri (PKN)  (v) Pengarah Institusi/ Ketua Fasiliti di bawah IPKKM			
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta Kumpulan Pelaksana IPKKM (Gunasama/ Bukan Gunasama/ Kader*)	<b>BKP</b>	<b>Setiausaha Bahagian/ Pengarah masing-masing</b>	<b>SUB(KP)</b>
<b>(b)</b>	<b>Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)</b>			
	(i) Pengarah (Bukan Pakar) Hospital  (ii) Pengurusan Tertinggi (Bukan Pakar) selain daripada PKN  (iii) Pegawai Kesihatan/ Pergigian (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)/ Pengarah Institusi/ Ketua Fasiliti di negeri (Bukan Pakar)  (iv) Kumpulan P&P (Bukan Pakar)  (v) Kumpulan Pelaksana	<b>Unit Sumber Manusia JKN/ Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pergigian, mengikut mana-mana yang berkenaan</b>	<b>Timbalan PKN Mengikut mana-mana yang berkenaan</b>	<b>PKN</b>

<b>Bil.</b>	<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	<b>Urus Setia</b>	<b>Penyokong</b>	<b>Kuasa Melulus</b>
(c)	<b>Pejabat Kesihatan/ Pergigian (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)/ Institusi/ Fasiliti Kesihatan</b>			
	(i) Pengurusan Tertinggi [Selain pegawai di (b)(iii)]	<b>Unit Sumber Manusia Pejabat Kesihatan/ Pergigian/ Institusi/ Fasiliti Kesihatan yang berkenaan</b>	<b>Ketua Unit/ Ketua Bahagian/ Ketua Fasiliti</b>	<b>Pegawai Kesihatan/ Pergigian (Daerah/ Bahagian/ Kawasan)/ Pengarah Institusi/ Ketua Fasiliti Kesihatan</b>
	(ii) Kumpulan P&P [Selain pegawai di (b)(iii)]			
	(iii) Kumpulan Pelaksana			
(d)	<b>Hospital</b>			
	(i) Pengurusan Tertinggi (Bukan Pakar) selain daripada Pengarah Hospital	<b>Unit Sumber Manusia Hospital</b>	<b>Timbalan Pengarah Hospital</b>	<b>Pengarah Hospital</b>
	(ii) Kumpulan P&P (Bukan Pakar)			
	(iii) Kumpulan Pelaksana			
(e)	<b>Institusi Latihan KKM (ILKKM)</b>			
	Pengarah ILKKM dan Kumpulan P&P	<b>Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)</b>	<b>Timbalan Setiausaha BPL</b>	<b>Setiausaha Bahagian BPL</b>
	Kumpulan Pelaksana	<b>Unit Sumber Manusia ILKKM</b>	<b>Timbalan Pengarah ILKKM</b>	<b>Pengarah ILKKM</b>

**Nota:** \* Tertakluk kepada persetujuan Ketua Perkhidmatan sekiranya ditetapkan sedemikian.

\*\* Bagi Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian, **Kuasa Melulus** adalah seperti berikut:

(i) Cuti di Perenggan 4(a)(ii) hingga 4(a)(iv) ialah **PKN**; manakala

(ii) Cuti di Perenggan 4(b)(ii) hingga 4(b)(iv) adalah **SUB BKP/ PKN/ Pengarah Hospital/ Pegawai Kesihatan/ Pergigian (Daerah/ Kawasan/ Bahagian)/ Pengarah Institusi/ Ketua Fasiliti Kesihatan**, mengikut mana yang berkenaan.

6. Bagi permohonan yang melibatkan kelulusan **Kuasa Tertentu** di bawah Perintah Am Bab C Tahun 1974 dan cuti-cuti lain yang tidak disenaraikan di dalam Surat Pekeliling ini, **Ketua Setiausaha KKM kekal sebagai Kuasa Melulus**.

7. Penetapan kuasa melulus bagi permohonan cuti-cuti tertentu di bawah Perintah Am Bab C Tahun 1974, CTGMA, Cuti Umrah, Cuti Keagamaan dan Cuti Bersalin bagi pegawai di KKM adalah berkuat kuasa mulai **1 Mac 2019**. Urus Setia yang terlibat hendaklah merujuk kepada dasar dan peraturan yang berkuat kuasa bagi memastikan kelulusan yang diberikan teratur dan seragam.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(DATO SERI DR. CHEN CHAW MIN)

**s.k:**

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)